

Tarik diri dari Mapen

Tolak muafakat kerana politik

Oleh ROSNIZA RASUL

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penarikan diri beberapa kumpulan dari Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen), menggagalkan hasrat kerajaan untuk melihat pembentukan dasar ekonomi selepas 1990 diputuskan melalui kata sepakat.

Sambil melahirkan rasa kecewanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpendapat penarikan diri pihak berkenaan jelas membuktikan mereka tidak mengutamakan perpaduan rakyat dan masa depan ekonomi negara.

Sikap mereka, tegasnya, menunjukkan mereka lebih mengutamakan pengaruh politik dan mencari pengaruh bagi menghadapi pilihanraya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Senator Azman Atar, di Dewan Negara, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan sudah tentu tidak dapat menerima semua cadangan Mapen kerana kata-sepakat tidak dicapai dalam membuat segala rumusan dan cadangan, ekoran tindakan menarik diri beberapa kumpulan tertentu.

Menjawab soalan tambahan Senator Dahan Haji Embun, beliau berkata, Mapen

ditubuhkan oleh kerajaan dan berharap kumpulan yang menganggotainya dapat mencapai kata sepakat dalam membentuk satu dasar ekonomi baru selepas 1990.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kata sepakat yang diharapkan, gagal dicapai apabila beberapa kumpulan menarik diri dari Mapen.

Menjawab soalan asal Senator V K Sellapan, Dr Mahathir berkata, kerajaan belum memutuskan sama ada laporan akhir Mapen akan dibincangkan di Parlimen atau diedarkan kepada orang awam melalui sebaran am.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan dengan penuh tanggungjawab akan menimbang segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Mapen sebelum sesuatu dasar baru selepas 1990 diumumkan.

Mengenai pandangan dan rumusan yang dikemukakan oleh Mapen, Perdana Menteri berkata setakat ini semua lima jawatankuasa yang ditubuhkan sudah mengemukakan laporan masing-masing kepada sidang pleno.

Jawatankuasa berkenaan ialah Jawatankuasa Pengutipan, Metodologi dan Analisis Data, Jawatankuasa Mengkaji Prestasi Pelaksanaan Dasar Pembasmian Kemiskinan, Jawatankuasa Mengkaji Prestasi Pelaksanaan Dasar Penyusunan Semula Masyarakat, Jawatankuasa Mengenai Ekonomi Negara dan Perkembangan Antarabangsa dan Jawatankuasa Pembangunan Sumber Tenaga Manusia.

Beliau berkata, semua laporan itu akan dibentangkan untuk perbincangan di sidang pleno Ke-13, pada 17 hingga 19 Januari ini.

41 28 DEC 1989